



2023

UiTM MUKAH BULLETIN

Inou Dengah UiTM Mukah?



<https://sarawak.uitm.edu.my/index.php/uitm-mukah-bulletin>

HIGHLIGHTS:

Iftar Perdana Bersama TYT Sempena
Sambutan Jubli Emas UiTM Cawangan Sarawak
Terima Kasih Mantan Penolong Rektor dan
Selamat Datang Penolong Rektor Baharu
Sukan Muhibah Staf 2023 UiTM Cawangan Sarawak
Rekod Kayuhan Sempena Sambutan Jubli Emas UiTM Cawangan Sarawak

TABLE OF CONTENT

From Rector's Desk	01
From Assistant Rector's Desk	02
Editors' Note	03
Editorial Board	04
Highlights	05
News and Articles	09
Creative Writing	64
Congratulations!	66
Press and Media Coverage	81

EDITORIAL BOARD

Professor Dato Dr. Hj. Jamil Hj. Jamali

Advisor

Associate Professor Dr. Abdul Razak Abdul Kadir

Managing Editor

En Mohamad Musa Bin Bohari

Chief Editor

En Yahutazi Bin Chik

Deputy Chief Editor

Editors :

Cik Siti Faridah Binti Kamaruddin

Pn Suffina Binti Long

Pn Nur Nadia Qausar Binti Juhari

Cik Stefanie Natasha Rich Joseph

En Shileyusken Mijen

Webmaster

Pn Irene Binti Seluroh

Layout & Design

En Mohamd Shafik Bin Mohd Samsi

Corporate and Communication Unit

Published By

Corporate and Communication Unit, UiTM Mukah

eISSN : 2976-257X

Published Date : 16 November 2023

NEWS AND ARTICLES

Misteri Serangga *Lelamas* - Makanan Eksotik Masyarakat Melanau Akhirnya Terungkai

Penulis: Yahutazi Chik, Hartini Mahidin, Junaidah Mat Jusoh, Shahrina Shah Jahan, Siti Nor Ain Seri Masran,, Sharifah Anom Omar dan Mohd Syahiran Abdul Latif

MUKAH: Selain ulat sago atau ulat mulong (*Rhynchophorus vulneratus*), terdapat satu lagi makanan eksotik lain masyarakat Melanau; terutamanya di bahagian Mukah; yang dikenali sebagai *Lelamas* / *Lelameh* / *Lelamaih* / atau "beluncas nyatoh". Bagaimanapun, hanya terdapat sedikit maklumat saintifik yang diketahui pada organisma ini, terutamanya pada pengenalan saintifiknya dan kebanyakan maklumat yang berlingkar di media sosial mahupun di akhbar-akhbar hanya melaporkan maklumat am mengenai serangga tersebut terutamanya dalam aspek kepentingannya dalam warisan dan budaya unik masyarakat Melanau disamping beberapa mitos yang berlawanan dengan fakta-fakta sains.

Walaupun belum terbukti secara saintifik dari segi manfaatnya terhadap kesihatan, *Lelamas* dimakan bukan sahaja oleh masyarakat Melanau, tetapi juga turut dinikmati oleh masyarakat Iban dan Cina terutamanya di kawasan yang meliputi bahagian Sibuan, Mukah dan Dalat serta di Matu-Daro. Selain itu, permintaan yang tinggi untuk *Lelamas* kerana masyarakat mempercayai ianya mempunyai nilai perubatan secara tradisional bagi merawat pelbagai penyakit seperti asma ditambah pula dengan rasanya yang unik dan sangat sedap menyebabkan harga bagi sekilogram *Lelamas* boleh mencapai dalam lingkungan RM300-RM700.

Sebelum ini, ramai yang beranggapan bahawa hanya terdapat satu spesies sahaja *Lelamas* yang dinikmati sebagai sajian eksotik. Bagaimanapun, kajian lanjutan oleh penulis akhirnya mendapati terdapat tiga spesies yang berbeza bagi serangga yang dinamakan sebagai *Lelamas*. Masyarakat Melanau di Mukah kebiasaannya hanya mengenali spesies *Lelamas* yang memakan daun daripada pokok Nyatoh, bagaimanapun terdapat *Lelamas* daripada spesies lain iaitu *Lelamas Pedada* yang dinikmati oleh masyarakat Iban di Sibuan dan juga masyarakat Melanau di kawasan Matu-Daro. Selain itu, *Lelamas Rian* atau Durian pula dinikmati masyarakat Iban dan Cina di kawasan Sibuan.

Hasil penyelidikan saintifik pensyarah-pensyarah UiTM Cawangan Sarawak yang diketui oleh penulis telah mengenal pasti tiga spesies *Lelamas* tersebut. *Lelamas Nyatoh* dan *Lelamas Pedada* adalah rama-rama dari keluarga Erebidae yang masing-masing terdiri daripada spesis *Archaea serva* dan *Lymantria brotea*. Manakala *Lelamas Durian* atau Rian pula telah dikenal pasti sebagai *Daphnusa ocellaris*, spesies rama-rama dari keluarga Sphingidae. Hasil kajian dan dapatan saintifik mengenai serangga *Lelamas* ini telah dibentangkan buat pertama kalinya di "The 5th International Symposium on Insects (ISoI) 2023" yang bertempat di Kuching pada 11-13 September 2023 dengan tajuk "Entomophagy of *Lelamas*: Exploring An Exotic Edible Insect Among Indigenous Ethnic Groups in Sarawak". Kajian-kajian lain seperti kajian nilai nutrisi, kelimpahan, dan taburan serta kajian DNA adalah diperlukan di masa akan datang sebagai salah satu usaha mengelakkan spesis yang menjadi identiti warisan budaya masyarakat Melanau ini terus diancam kepupusan disebabkan oleh pengambilan secara berleluasa serta pengaruh kemusnahan habitat semulajadi terutamanya spesies yang mempunyai nilai pasaran yang tinggi iaitu bagi *Lelamas Nyatoh*.

